



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 38 TAHUN 2005

**PERUBAHAN SKIM PERKHIDMATAN
PENOLONG PEGAWAI TANAH**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan keputusan kerajaan untuk mengubah skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah Gred NT17, NT22, NT31/32 yang telah dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah bersetuju supaya skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah Gred NT17, NT22, NT31/32 yang sedang berkuat kuasa diubah selaras dengan hasrat untuk memantapkan lagi pengurusan tanah negara serta meningkatkan peluang kemajuan kerjaya kepada pegawai dalam perkhidmatan ini. Berikutan keputusan tersebut, skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah diubah dari segi syarat lantikan dan ditambah dengan satu lapisan gred kenaikan pangkat.

SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI TANAH

3. Skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah Gred NT17, NT22, NT31/32 yang baru adalah seperti berikut:-

- (a) gred jawatan adalah NT17, NT22, NT31/32, NT36; dan
- (c) syarat lantikan di gred NT17 adalah memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta kepujian dalam subjek Matematik pada peringkat peperiksaan tersebut.

4. Skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah yang baru adalah seperti di [Lampiran A](#). Format iklan bagi urusan pengambilan ke perkhidmatan tersebut serta penghuraian tugas adalah seperti di [Lampiran B](#) dan [C](#). Jadual Gaji Matriks bagi skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah Gred NT17, NT22, NT31/32, NT36 adalah seperti di [Lampiran D](#) hingga [D4](#).

5. Mulai tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan ini semua lantikan sebagai Penolong Pegawai Tanah hendaklah menggunakan skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah Gred NT17, NT22, NT31/32, NT36 dan syarat lantikan yang ditetapkan hendaklah dipatuhi.

TARIKH KUAT KUASA

6. Skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah Gred NT17, NT22, NT31/32, NT36 yang baru ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2006**.

PEMBATALAN

7. Dengan berkuatkuasanya pekeliling perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah yang berkuat kuasa pada 1 November 2002 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 adalah dibatalkan dan digantikan dengan skim perkhidmatan dalam pekeliling perkhidmatan ini. Semua pelantikan mulai 1 Januari 2006 hendaklah menggunakan skim perkhidmatan yang baru. Perubahan skim perkhidmatan ini tidak melibatkan penyandang sedia ada.

PEMAKAIAN

8. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeliling perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA**

27 Disember 2005

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan